

27/07/2000

Pulihara alam semula jadi: Dr Mahathir

Lichong Angkui

KOTA KINABALU, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pengusaha industri pelancongan menjaga imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan selamat, meriah, menarik dan popular di rantau ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu pengusaha terbabit terutama dalam ekopelancongan supaya tidak mengabaikan tanggungjawab memulihara alam semula jadi yang merupakan aset penting sektor berkenaan.

"Janganlah dalam keghairahan kita berlumba-lumba mengaut keuntungan, kita mengabaikan tanggungjawab memulihara alam semula jadi yang tidak ternilai ini daripada pupus atau musnah begitu saja.

"Puliharalah alam semula jadi kerana ia adalah aset yang tidak ternilai harganya," katanya berucap merasmikan Sutera Harbour Resort di perkarangan marina resort berkenaan di sini malam ini.

Projek pelancongan bernilai kira-kira RM1.4 bilion itu terletak di kawasan seluas 154 hektar tanah tebus guna di pesisiran pantai Sembulan. Ia mula dibina pada 1994 dan sudah memulakan operasi secara berperingkat.

Selain hotel The Pacific Sutera mengandungi 500 bilik dan The Magellan Sutera sebanyak 456 bilik, resort berkenaan juga dilengkapi jeti, iaitu Sutera Harbour Marina serta padang golf 27 lubang.

Dewan persidangannya, Sutera Harbour Convention Centre, seluas 11,696 meter persegi adalah yang terbesar dan mampu menempatkan sehingga 3,000 tetamu selain terdapat 28 bilik persidangan.

Dr Mahathir yang tiba petang tadi untuk lawatan rasmi tiga hari ke Sabah berkata usaha menjaga imej pelancongan Malaysia perlu dipertingkatkan kerana kerajaan sudah membelanja peruntukan besar membangunkannya.

Katanya, kini usaha berterusan perlu dilakukan untuk menentukan destinasi pelancongan yang dibangunkan itu mempunyai kualiti tinggi.

Ini termasuk memberi perkhidmatan bermutu, penjagaan kebersihan dan alam sekitar, memberi layanan yang mesra dan bersopan-santun serta mengenakan harga atau bayaran berpatutan.

Mengakui produk pelancongan berkonsepkan mesra alam mudah menarik pelancong asing, Perdana Menteri berkata bidang berkenaan juga amat sensitif dan membuka peluang kepada pelbagai kritikan, terutama daripada pihak Barat kononnya negara ini merosakkan alam sekitar.

Sehubungan itu, katanya, isu seperti kebersihan air, pencemaran sungai, tanah runtuh dan pembalakan adalah antara perkara penting yang perlu diberi perhatian apabila membangunkan sesuatu destinasi pelancongan.

Katanya, ia selaras usaha kerajaan menerusi Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan memastikan industri pelancongan diurus berlandas pembangunan berkekalan.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan turut memberi penekanan kepada pelancongan dalam negeri yang dianggarkan mencatat 15 juta perjalanan domestik tahun ini berbanding 13.8 juta pada 1997.

Katanya, pelancong tempatan perlu diberi kesedaran dan digalakkan melancong dalam negara melalui pakej yang menarik.

Sambil menegaskan bahawa tawaran harga menarik adalah faktor penting untuk pelancong tempatan memilih destinasi pelancongan mereka, Perdana Menteri mahu pengusaha sektor berkenaan memanfaatkan era teknologi maklumat dengan menggunakan Internet memasarkan produk mereka.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan amat serius menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan sukan di rantau ini.

Kejayaan menganjur sukan bertaraf antarabangsa sebelum ini membuktikan

Malaysia mampu menganjurkan acara sukan bertaraf dunia dan usaha terbaru kerajaan sekarang ialah mendapatkan hak menganjurkan Sukan Asia 2006.
(END)